

Galak pemakanan sihat



Nestle

Good Food, Good Life

GOLONGAN kanak-kanak yang terbabit dalam Kajian Intervensi 'Nestle Healthy Kids' (NHK) menunjukkan hasil yang memberangsangkan dengan peningkatan pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pemakanan, hanya selepas se-tahun ia dijalankan.

Dilancarkan pada Ogos 2010 oleh Nestle (Malaysia) Berhad dan dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), program NHK adalah suatu usaha intervensi selama tiga tahun bertujuan mempertingkatkan pengetahuan pemakanan dan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan murid sekolah.

Hasil kajian dibentangkan Presiden NSM, Dr Tee E Siong, yang juga Pengurus Jawa-tankuasa Pakar bagi Program NHK pada bengkel Ibu Bapa Guru NHK yang dianjurkan Nestle Malaysia.

Tee melaporkan kira-kira satu pertiga daripada kanak-kanak yang juga peserta program itu menunjukkan peningkatan skor pengetahuan mereka dalam semua enam

modul pendidikan pemakanan dan kesihatan yang dipelajari mereka.

Hasil yang menggalakkan itu diperoleh pada akhir tahun pertama pelaksanaan, lantas menunjukkan bahawa kanak-kanak mendapat manfaat dari pada program berkenaan.

Ibu bapa dan guru yang menghadiri bengkel itu juga dimaklumkan bahawa kanak-kanak terbabit menunjukkan peningkatan dengan lebih ramai murid membuat pilihan makanan lebih sihat berbanding pada awal program.

Pengarah Eksekutif Sumber Manusia dan Hal-Ehwal Korporat Kumpulan Nestle, Zainun Nur Abdul Rauf, berkata pelaksanaan Program NHK tepat pada masanya memandangkan orang ramai dan kerajaan kini sangat prihatin terhadap kes penyakit tidak berjangkit yang kian meningkat antaranya diabetes, tekanan darah tinggi dan paras kolesterol tinggi.

Langkah Nestle itu mendapat sokongan daripada NSM dalam usaha memerangi penyakit kronik seperti obesiti, diabetes, hipertensi dan penyakit jantung koronari selain diperbincangkan panel terdiri Naib Presiden Persatuan Kajian Obesiti Malaysia, Prof Dr Norimah A Karim; Ahli Majlis

Persatuan Kajian Obesiti Malaysia, Dr Zawiah Hashim, dan Dr Chin Yit Siew dari Jabatan Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ibu bapa dan guru juga diberi peluang melihat modul 2012 dan memberikan maklum balas mengenai program itu selain berpeluang melihat demonstrasi masakan oleh chef selebriti Florence Tan.

Program NHK dibahagi kepada dua komponen iaitu kesedaran untuk khalayak ramai dan penyelidikan meliputi kajian intervensi jangka panjang untuk membentuk, melaksana dan menilai keberkesanan modul pendidikan pemakanan dan aktiviti.

Matlamat utama pada akhir projek tiga tahun itu adalah membentuk satu modul pendidikan yang boleh digunakan Kementerian Pelajaran bagi pelaksanaan di sekolah rendah di negara ini.

Program itu mencakupi kira-kira 2,600 pelajar berusia antara tujuh dan 12 tahun, menerusi bengkel, pameran bergerak dan program intervensi.

Untuk maklumat lanjut mengenai program itu, pengguna boleh melayari laman web di <http://www.healthykids.org.my>